

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT WILAYAH UTARA,
(PEJABAT PELABUHAN KUAH - LANGKAWI)

Oleh

MOHD RUSNI BIN DARUS
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jawatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

1100046862



LI 40 FPE 2 2005



1100046862

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Laut Wilayah Utara, (Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi) / Mohd Rusni Darus.

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100046862

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN UMT

Laporan ini adalah suatu laporan akademik yang menyajikan pengaruh dan pandangan dan pendapat belajar yang berdasarkan kepada teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri dalam mata Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN LAUT WILAYAH UTARA,
(PEJABAT PELABUHAN KUAH, LANGKAWI)**

Oleh:

MOHD RUSNI BIN DARUS
Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)

Laporan Latihan Industri ini Diserahkan kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)


2005

1100046862

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **MOHD RUSNI BIN DARUS UK8748**, mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **PGN 4799** ini adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Dimaklumkan di sini Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Yang benar,



Nama : Mohd Rusni Bin Darus

Tarikh : 25 NOVEMBER 2005

Disahkan oleh:



En. Mohd Rizal Bin Ismail
Penyelia KUSTEM
b/p Pengerusi Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM.

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat llahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat juga pelatih menyiapkan segala tugas yang telah diamanahkan. Disini pelatih ingin mengambil kesempatan ini untuk melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), pihak Urusetia Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang terlibat di dalam urusan Latihan Industri, Penyelia Latihan Industri dari Kustem iaitu Encik Mohd Rizal B. Ismail, ibu bapa serta keluarga pelatih dan juga rakan pelatih yang tersayang iaitu Nor Shamsiah Bt Mukhtar yang telah banyak memberi sokongan kepada pelatih untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat seperjuangan yang turut sama membantu pelatih untuk menyiapkan tugas ini.

Dengan adanya bantuan dan sokongan kalian telah membolehkan pelatih menjalani Latihan Industri ini dengan lancar serta bantuan daripada kalian dalam menyelesaikan segala masalah yang timbul ketika pelatih menjalani Latihan Industri ini. Selain itu, pelatih juga ingin mengambil peluang ini untuk melahirkan jutaan terima kasih kepada pihak di Pejabat Pelabuhan Kuah Langkawi kerana sudi menerima pelatih menjalani Latihan Industri di organisasi tersebut, kepada Penyelia Industri pelatih iaitu En.Tarmizi bin Wahi @ Awang dan juga kepada seluruh warga kakitangan Pejabat Pelabuhan Kuah ini kerana telah sudi memberi tunjuk ajar kepada pelatih sepanjang pelatih menjalani Latihan Industri ini. Budi kalian akan pelatih kenang sampai bila-bila.

Sebelum pelatih mengundurkan diri, pelatih ingin mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada pihak Pejabat Pelabuhan Kuah Langkawi serta pihak KUSTEM kerana telah memberi peluang dan membantu pelatih menjalani Latihan industri ini dengan lancar serta dapat memenuhi syarat untuk bergraduan.

Sekian Terima Kasih.

Wassalam.....

ISI KANDUNGAN

<u>BAB</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURA</u>
	SENARAI RAJAH	vii
	SENARAI GAMBARAJAH	vii
	SENARAI LAMPIRAN	viii
	RINGKASAN EKSEKUTIF	ix
BAB 1	LATAR BELAKANG ORGANISASI	
	Pengenalan	1
	Maklumat Organisasi	5
	Carta Organisasi	6
	Aktiviti asas Jabatan Laut	7
	Objektif Jabatan Laut	8
	Misi Jabatan Laut	8
	Visi Jabatan laut	9
	Dasar kualiti	9
	Fungsi utama Jabatan Laut	9
	Sistem-sistem Jabatan Laut yang Mendapat sijil ISO 9002	11
	Akta dan Konvensyen Jabatan Laut	12
	Pelanggan Jabatan Laut	12
	Piagam Pelanggan	13
	Bidang kuasa Jabatan Laut	16
	Kemahiran yang ingin dipelajari	17

**BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN
CADANGAN PENYELESAIAN**

SISTEM 1:

Sistem kerja Pemprosesan Kad Pelaut	
(Kad Pelaut Baru)	19
Objektif sistem	20
Prosedur Permohonan Kad pelaut	21
Pengenalpastian masalah	22
Cadangan Penyelesaian	25
Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	26

SISTEM 2:

Sistem Perlesenan Bot	
(Kurang dari 12 Orang)	27
Objektif Sistem	28
Prosedur Sistem Perlesenan bot	30
Pengenalpastian masalah	31
Cadangan Penyelesaian	33
Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	35

SISTEM 3:

Sistem Pendaftaran Ketibaan(MSS 1)

Bagi Feri Penumpang	36
Objektif Sistem	37
Prosedur Sistem Pendaftaran Ketibaan	
(MSS 1) bagi Feri Penumpang	38
Pengenalpastian masalah	39
Cadangan Penyelesaian	41
Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	42

BAB 3 : PENUTUP

Rumusan dan cadangan keseluruhan	43
Cadangan Latihan Industri	45
Lakaran Penghargaan	46

PERKARA

MUKA SURAT

SENARAI RAJAH

Rajah 1 : Carta Organisasi	6
Rajah 2 : Carta Aliran Sistem Kerja Pemprosesan Kad Pelaut	19
Rajah 3 : Statistik Pelaut (Lampiran B)	
Rajah 4 : Carta Aliran Sistem Perlesenan Bot Penumpang kurang dari 12 Orang	27
Rajah 5 : Statistik Bilangan Bot yang dilesenkan	
Rajah 6 : Carta Aliran Sistem Pendaftaran ketibaan (MSS 1) Bagi Feri Penumpang	36

SENARAI GAMBARAJAH

Gambarajah 1 : Logo Jabatan Laut	5
Gambarajah 2 : Bot Penumpang	29
Gambarajah 3 : Lokasi Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi	

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Lampiran B

Lampiran C

Lampiran D

Lampiran E

Lampiran F

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri merupakan satu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Kustem. Ia juga merupakan satu kursus yang wajib diambil oleh para pelajar Sarjana Muda Pengurusan Maritim dan juga semua pelajar di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi. Kod kursus bagi Latihan Industri ini ialah PGN 4799. Melalui Latihan Industri, pelajar akan ditempatkan sama ada di agensi awam atau swasta di mana pelajar berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung di dalam sesuatu bidang pekerjaan. Pada masa yang sama, pelajar juga berpeluang mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan sesuatu organisasi sesebuah agensi berkenaan. Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi merupakan tempat dimana pelatih menimba ilmu dan pengalaman asas kepada bidang maritim. Pelatih telah menjalani Latihan Industri selama 12 minggu di Pejabat Pelabuhan Kuah, Langkawi dan mempelajari mengenai Sistem Perlesenan Bot, menuruskan hal-hal yang berkaitan dengan feri penumpang. Pelatih juga telah cuba mengenal pasti masalah-masalah yang selalu dihadapi di dalam aspek pengurusan Jabatan itu sendiri dan pelatih berharap pihak jabatan dapat menerima segala cadangan yang hanya bertujuan memperbaiki sistem kerja supaya menjadi lebih efektif. Tujuan Laporan Industri ini adalah untuk mendedahkan kepada semua pelajar mengenai dunia pekerjaan yang sebenar dan juga professional masing-masing. Dengan menjalani Latihan Industri ini, ia juga membolehkan kita mengetahui apakah kriteria, sikap, atau kualiti yang perlu ada pada kita untuk menjadi seorang eksekutif yang baik. Selain daripada itu, salah satu daripada matlamat Latihan Industri ini adalah untuk menjadikan kita lebih matang dan berkeyakinan dalam memberikan idea dan bersiap-sedia apabila berhadapan dengan alam pekerjaan, masalah, tekanan dan juga menjadi seorang mahasiswa atau mahasiswi yang berkualiti. Tujuan laporan ini adalah untuk menerangkan pengalaman serta apa yang telah pelatih pelajari ketika menjalani Latihan Industri di organisasi tersebut. Selain itu, laporan ini juga adalah untuk memenuhi sebahagian daripada syarat yang telah ditetapkan oleh pihak fakulti. Dengan adanya laporan ini, ia membolehkan Penyelia Industri pelatih dan pihak fakulti menilai pencapaian pelatih ketika di organisasi berkenaan.